

TARIKH : 18.1.2020  
MEDIA : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : M/S 11

## Pentingnya Melayu agresif dalam ekonomi

### Dari Muka Sepuluh

Keduanya adalah pemilikan. Dari segi bahasa, ia bermaksud memiliki sesuatu dan mampu bertindak sebegini. Kesan pemilikan ini pula, seseorang itu boleh memanfaatkan, boleh menjual atau membelanjakan harta yang menjadi hak milik kita.

Memang diakui pemilikan terhadap beberapa sektor bagi orang Melayu mendukacitakan. Sebagai contoh, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada 2015 melaporkan kadar pemilikan harta Bumiputera hanya 39.5 peratus berbanding 53.4 peratus oleh bukan Bumiputera.

Yang ketiganya ialah penguasaan. Penguasaan dari sudut eko-

nomi ialah penguasaan terhadap ilmu pengetahuan dan teknologi. Ini akan membolehkan kaum Melayu terus memperkukuh kedudukan ekonomi. Sebagai contoh, negara maju yang mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi negara sedang membangun, terutama dari segi ideologi.

Negara sedang membangun mengharapkan pasaran di negara maju bagi sumber ekonomi mereka yang menjadi keperluan industri negara itu. Kedudukan ekonomi kukuh membolehkan negara maju meningkatkan pencapaian tamadun mereka.

Berasaskan kemajuan, mereka turut dapat memainkan peranan mempengaruhi nilai penduduk di negara sedang membangun. Pada

masa ini, negara maju seperti di Barat sentiasa menjadi model yang dianggap berkedudukan tinggi dan dihormati.

Aspek penguasaan juga adalah kemuncak kepada kekuatan diukur terhadap jurang yang sentiasa menjadi polemik ekonomi orang Melayu.

Apabila kaum Melayu mula agresif, fasa pertumbuhan ekonomi ini akan cepat meningkat dalam apa sahaja keperluan. Paling penting, orang Melayu pantas menyesuaikan diri dalam persaingan. Selain itu, keperluan Melayu untuk bersikap agresif dalam ekonomi juga mampu menyedihkan diri orang Melayu itu sendiri dengan ekonomi yang semakin pesat membangun melalui

perkembangan teknologi.

Ekonomi berkenaan dapat digerakkan oleh kuasa pemikiran, kemahiran dan ketekunan dalam menguasai kekayaan maklumat dengan pengetahuan mengenai apa yang perlu dilakukan dan bagaimana melakukannya.

Justeru, tidak mustahil kaum Melayu mampu mencapainya apabila sikap agresif dalam ekonomi ini berjaya dilaksanakan. Jelasnya, keperluan kepada agresif dalam ekonomi mampu melahirkan keusahawanan Melayu yang berdikari, berpandangan luas, bersifat cergas dan berdaya usaha.

Tuntasnya, persoalan berkenaan dengan isu ekonomi ini sangat mencabar: Apa yang pasti, agresifnya orang Melayu dalam bi-

dang ekonomi menjadi tindakan amat diperlukan.

Sekali lagi saya tegaskan, agresifnya orang Melayu ini bukan sahaja melalui tindakan, malah biarlah agresif dari aspek pemikiran kerana biarlah kita berurusan secara berstrategi.

Berubah bukan sekadar untuk diri sendiri, bahkan perubahan dibawa juga membawa harapan besar demi masa hadapan negara.

Apa yang penting, kesedaran akan perubahan itu diperlukan agar tindakan selanjutnya dapat diambil bagi menggerakkan perubahan, kerana akhirnya nanti kita sama-sama dapat menjayakan kemakmuran bersama menjelang 2030.